PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|---|---|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 30 JAN 2015 |

# Simpati PM kepada waris

BH 30/1/2015

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak melahirkan rasa simpati kepada keluarga penumpang dan kru pesawat MH370 berikutan pengumuman kerajaan bahawa kehilangannya adalah suatu kemalangan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, usaha mencari pesawat terbabit akan diteruskan.

"Hari ini ingatan saya bersama keluarga mereka yang berada dalam pesawat MH370. Pencarian akan diteruskan. Malaysia, Australia dan China kekal komited untuk mencari pesawat itu," katanya dalam mesej Twitter, malam tadi.

Petang semalam, Ketua Pengarah Penerbangan Awam, Datuk Azharuddin Abdul Rahman, mengumumkan bahawa kehilangan MH370 adalah suatu nahas dan semua 239 penumpang serta kru terkorban.

BERNAMA